


## Pertukaran Pelajar UMP dan University Ningxia erat hubungan baik



Pekan, 12 September – Seramai 20 orang pelajar yang menuntut di Universiti Ningxia, China mengikuti program mobiliti pertukaran pelajar (*Inbound*) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) selama satu semester bermula 12 September lalu. Pelajar ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) di bawah seliaan Ketua Program Automatif, Dr. Mohd Ruzaimi Mat Rejab.

Dalam masa yang sama, seramai 11 orang pelajar dari FKM turut dihantar ke sana bagi mengikuti program mobiliti pertukaran pelajar (*Outbound*) mempertingkatkan hubungan kerjasama akademik di antara UMP dan University Ningxia, China. Bagi Dr. Mohd Ruzaimi, UMP menggalakkan kerjasama dua hala dalam institusi antarabangsa bagi meningkatkan kualiti akademik universiti dalam merealisasikan agenda pengantarabangsaan.



"Program seumpama ini dapat melahirkan graduan yang berdaya saing dalam persediaan menempuh alam pekerjaan. Selain itu, ianya dapat memberi pendedahan dan pengalaman bagi pelajar untuk mempelajari budaya dan corak pembelajaran mereka bersama pelajar luar di sana," katanya. Menurut Dr. Mohd Ruzaimi, sepanjang tempoh enam bulan, pelajar UMP akan diletakkan di bawah seliaan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pengajaran dan Latihan, University Ningxia, China, Prof. Dr. Bo Zhang.

Pengantarabangsaan UMP dalam membina jaringan kerjasama akademik yang kukuh dengan negara lain mampu melahirkan graduan lebih berdaya saing dan glokal. UMP turut menghantar pelajar ke negara lain termasuklah India, Indonesia dan Turki.

***Disediakan oleh Nur Laila Afandi dan disunting oleh Bahagian Komunikasi dan Korporat.***

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 02-10-2017, 16:50:32